

Manila tidak perbesar isu tuntutan

MAHATHIR DOSENAS TRIPS

MANILA: Isu Sabah dan masalah lain tidak akan diperbesar-besarkan sebagai usaha memperluaskan kerjasama apabila Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Filipina minggu ini, kata pegawai.

Lawatan tiga hari, 3-6 Februari itu adalah yang pertama oleh ketua negara Malaysia selepas 30 tahun hubungan dingin sehingga lawatan Presiden Fidel Ramos ke Kuala Lumpur Januari 1993 bagi menghulurkan tanda persahabatan.

"Sukar untuk memperbesar-besarkan lawatan ini," kata Setiausaha rendah Hal-Ehwal Luar, Rodolfo Severino dalam sidang akhbar hari ini.

Beliau berkata, kedua-dua pihak akan menekankan 'elemen positif' bukannya 'perbezaan'.

Beliau merujuk kepada usaha mempertingkatkan jumlah dagangan bernilai AS\$500 juta (RM 1,350 juta) setahun, bagi menggalakkan pelaburan dan membentuk kawasan pertumbuhan baru Asia Tenggara membabitkan selatan Filipina, timur Malaysia dan Indonesia serta Brunei.

Lawatan Ramos ke Malaysia tahun lalu, menghasilkan pembantukan Jawatankuasa Bersama kementerian bagi menggalakkan hubungan ekonomi dan kebudayaan serta memudahkan laluan sempadan sementara mencari penyelesaian dalam konflik tuntutan terhadap Sabah pada 1963.

Itu berdasarkan tuntutan oleh waris sultan Filipina yang memajakkan Sabah kepada pedagang Eregh pada abad ke-19. Negeri Sabah yang kaya dengan minyak dan balak menyerai Malaysia apabila ia mencapai kemerdekaan dari Britain.

Dua negara menjalin hubungan diplomatik pada 1964, dan sejak dua abad lalu, hubungan itu diselaputi kecurigaan.

Malaysia menuduh Filipina merancang menjejaskan kestabilan Sabah dengan menyerapkan komandonya pada lewat 1960-an. Manila kemudiannya mendakwa Kuala Lumpur menyokong puak pemisah Islam Filipina di kepulauan Mindanao.

Kewujudan sekurang-kurangnya 200,000 pendatang Filipina di Sabah dan Labuan menjadi duri dalam daging hubungan dua negara.

Dua negara juga adalah pihak pesaing dalam perselisihan mengenai kepulauan Spratly.

Di samping China, Vietnam, Taiwan dan Brunei, kedua-dua negara ini juga mengatur rundingan tidak rasmi bagi mengatasi masalah itu.

Dr Mahathir berada di Manila 1987, tetapi hanya untuk menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Negara Asia Tenggara (Asean), yang membabitkan Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand.

Pada masa yang sama senat Filipina menolak cadangan presiden Corazon Aquino untuk mengugurkan tuntutan terhadap Sabah.

Severino berkata, Sabah tidak akan diletakkan 'sebagai keutamaan dalam agenda' ketika lawatan Dr Mahathir teta-

pi rundingan dengan penggubal undang-undang Filipina mungkin boleh 'mengurangkan ketegangan'.

Beliau berkata, kerajaan Filipina selepas berunding dengan Kongres, masih dalam proses merangka dasar baru mengenai Sabah dan 'sementara itu meneruskan hubungan Filipina-Malaysia'.

Lebih 50 ahli perniagaan dari Malaysia, menyertai lawatan Mahathir kali ini, bagi mencari peluang pelaburan baru dalam pelancongan, industri berat dan sektor lain.

Dr Mahathir dijangka melawat syarikat pelaburan Malaysia di Filipina, termasuk projek peranginan kasino AS\$100 juta (RM270 juta) oleh Genting International di pelabuhan Subic Bay, bekas pangkalan laut Amerika Syarikat.

Dr Mahathir juga akan melawat bandar Davao di selatan kepulauan Mindanao, wilayah penduduk Islam Filipina dan sebahagian daripada Kawasan Pertumbuhan Timur Asean.

Severino berkata, perjanjian jaminan pelaburan yang akan melindungi pelaburan Malaysia di Filipina dijangka ditandatangani sempena lawatan Mahathir. — AFP